

Sepasang suami isteri bersama dua cucu maut dalam kebakaran di Kuala Langat 4 mangsa dibunuh sebelum dibakar

Oleh JUNHAIRI ALYASA dan AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LANGAT – Sepasang suami isteri termasuk dua orang cucu lelaki yang ditemui mati dalam kebakaran sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat dekat sini pagi semalam dipercayai dibunuh sebelum kematian tersebut dibakar.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.30 pagi itu, mangsa yang maut ialah Chia Tee Nang, 73, iaitu seorang pemilik ladang khinzir termasuk isterinya, Lim Mai Shak, 68, dan cucu mereka Chua Yuan Bin, 3, serta Ryan Chia, 10.

Bagaimanapun, terdapat seorang lagi cucu warga emas itu yang terselamat dalam tragedi tersebut.

Kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun itu ditemui oleh penduduk dengan keadaan leher dikelar dan dibawa ke Hospital Banting dekat sini untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Difahamkan Yuan Bin dan Ryan merupakan sepupu manakala seorang kanak-kanak lelaki yang terselamat itu tinggal bersama datuk dan nenek mereka.

Dalam pada itu, kedua-dua bapa mangsa yang merupakan orang kelainan upaya dalam pertuturan turut kelihatan sugul di tempat kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmad berkata, pihak bomba berjaya memadamkan kebakaran pada pukul 7 pagi dan menjumpai empat tubuh manusia yang telah rentung dan hasil siasatan awal bomba mendapati terdapat unsur-unsur khianat dalam kejadian itu.

“Tiga mayat yang ditemui mempunyai kesan ketakutan dan



ANGGOTA bomba melakukan siasatan di lokasi kebakaran yang meragut nyawa dua warga emas dan dua kanak-kanak di sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat.



EMPAT mayat mangsa yang dipercayai dibunuh diletakkan dalam beg plastik hitam selepas rumah didiami mereka musnah dalam kebakaran di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat semalam.

Terkorban



MAI SHAK



TEE NANG



YUAN BIN

mereka ini dipercayai dibunuh terlebih dahulu sebelum mayat mereka dibakar.

“Kesemua mayat telah dihantar ke Hospital Banting dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengetahui punca kematian. Punca kematian akan disahkan selepas bedah siasat,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Fadzil berkata, pihaknya juga sedang merakam keterangan kedua-dua ibu bapa kanak-kanak yang maut itu untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam pada itu, Pengarah


Bomba Selangor, Azmi Osman berkata, unit forensik yang turut dibantu oleh unit K9 telah mengambil beberapa bungkusan dan mengumpul bahan bukti daripada rumah setingkat yang diperbuat daripada kayu.

Jelas beliau, kesemua sampel yang diambil dari tempat kejadian itu akan dibawa ke makmal untuk siasatan lanjut.

“Hasil pemeriksaan awal mendapati mayat dua warga emas ditemui di ruang tamu manakala kanak-kanak berusia tiga dan 10 tahun masing-masing ditemui di bilik tidur berasingan.

“Sehingga kini, punca kebakaran dan kerugian belum diketa-

INFO Lakaran tempat mayat ditemui



- 1 Lim Mai Shak (68 tahun)
- 2 Chia Tee Nang (73 tahun)

- 3 Ryan Chia (10 tahun)
- 4 Chua Yuan Bin (3 tahun)

hui,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mendapat panggilan pada pukul 6.08 pagi menyebabkan seramai 15 anggota dan

tiga jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Sepang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dikejarkan ke lokasi kejadian.

Kanak-kanak terselamat dakwa lihat dua lelaki bertopeng

KUALA LANGAT – Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang ditemui selamat dalam kejadian bunuh dan bakar melibatkan sepasang suami isteri serta dua orang cucu lelaki mendakwa melihat dua lelaki bertopeng masuk ke dalam rumah.

Menurut Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Tanjung Sepat, Lim Chin Lee, kanak-kanak lelaki yang tidak didedahkan identiti itu menceritakan kejadian tersebut berlaku kira-kira pukul 3 pagi semalam selepas mendengar bunyi dari luar rumah.

“Dia memberitahu meli-

hat datuk dan nenek dengan penjahat sebelum menyembunyikan diri ke dalam bilik air namun bertindak melarikan diri selepas terhidu bau asap.

“Ketika cucu mangsa melarikan diri ke rumah pak ciknnya yang terletak berhampiran dengan tempat kejadian, dia ternampak kesan darah pada datuk dan neneknya.

“Cucu mangsa kemudian bertindak kembali semula ke tempat kejadian dengan mengayuh basikal,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Jelas Chin Lee, kanak-kanak tersebut kemudian

ditemui oleh orang ramai yang datang untuk melihat tempat kejadian yang terbakar itu.

“Kanak-kanak ini menceritakan semula kejadian yang berlaku,” jelasnya.

Chin Lee berkata, kejadian tersebut disifatkan sebagai paling buruk pernah berlaku di dalam kawasan tersebut.

Sementara itu, seorang saudara rapat dengan keluarga tersebut yang enggan dikenali berkata, dia amat terkilan kerana kali terakhir berjumpa dengan abang iparnya pada Isnin lalu dan sekadar membunyikan hon

kereta sahaja.

“Abang ipar dan kakak ipar saya sebenarnya baru sahaja pulang dari melancong di Vietnam pada hari Ahad lepas. Pada hari Isnin lalu, saya terserempak dengan abang ipar dan sekadar membunyikan hon sambil melambai-lambai kepadanya,” katanya.

Menurutnya, dia juga tidak dapat melupakan senyuman yang sering dilemparkan oleh cucu saudaranya yang berusia tiga tahun.

“Saya anggap perbuatan penjenayah ini sangat kejam,” ujarnya sambil menahan perasaan sebak.

Info Solat	14 DISEMBER 2017 25 RABIULAWAL 1439H					
	SUBUH	SYUKR	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:49	7:09	1:11	4:33	7:07	8:22
SHAH ALAM	5:49	7:09	1:11	4:33	7:07	8:22
SEREMBAN	5:45	7:08	1:09	4:32	7:07	8:22
MELAKA	5:44	7:07	1:08	4:32	7:07	8:21
JOHOR BAHRU	5:37	6:59	1:02	4:26	7:02	8:17
IPOH	5:53	7:13	1:13	4:36	7:08	8:23
P. PINANG	5:57	7:17	1:15	4:37	7:09	8:24
ALOR SETAR	5:58	7:19	1:16	4:37	7:08	8:23
K. TERENGGANU	5:45	7:08	1:04	4:26	6:58	8:13
KOTA BHARU	5:55	7:13	1:08	4:29	7:00	8:11
KUANTAN	5:42	7:03	1:05	4:28	7:02	8:17
KANGAR	5:58	7:21	1:15	4:36	7:07	8:22
TAWAU	4:46	6:08	12:06	3:28	6:01	7:16
KOTA KINABALU	4:54	6:17	12:13	3:34	6:05	7:20
KUCHING	5:12	6:31	12:37	4:01	6:37	7:51
MIRI	5:00	6:18	12:21	3:44	6:17	7:32

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya